

# Polisi Privasi Calon Malaysia dan Terma-terma & Syarat-syarat

*Kemas Kini Terakhir: Oktober 2023*

## Polisi Privasi Calon (laman kerjaya)

Cigna International Health Services Sdn Bhd, The Cigna Group<sup>SM</sup>, dan entiti-entiti gabungannya (secara kolektif dirujuk sebagai "**Kumpulan Cigna**" dan "**kami**") menghargai kepercayaan anda dan berkomited kepada pengurusan, penggunaan dan perlindungan maklumat peribadi secara bertanggungjawab. Sebagai sebuah perniagaan global, Kumpulan Cigna beroperasi di beberapa negara-negara yang berbeza. Sesetengah negara-negara ini mempunyai undang-undang yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan, pemprosesan, pemindahan, penyimpanan dan penzahiran maklumat peribadi individu-individu, termasuk pemohon-pemohon pekerjaan.

Polisi Privasi Laman Kerjaya-kerjaya ("**Polisi**") ini adalah terpakai kepada semua maklumat yang dikumpulkan oleh Kumpulan Cigna untuk memudahkan permohonan pekerjaan anda dalam Kumpulan Cigna, termasuk penggunaan laman Kerjaya-kerjaya kami yang terletak di [jobs.cigna.com](https://jobs.cigna.com) ("**Laman Kerjaya-kerjaya**"), dan menerangkan maklumat peribadi yang kami (sama ada diri kami atau bagi pihak kami) mengumpul, menggunakan, memproses, memindahkan, menyimpan dan menzahirkan, dan sebab kami berbuat sedemikian. Dengan memberikan maklumat peribadi anda kepada kami, berinteraksi dengan kami atau sebaliknya dengan mengakses Polisi ini, anda mengesahkan bahawa anda telah membaca dan memberikan kebenaran kepada Kumpulan Cigna untuk mengendalikan maklumat peribadi anda mengikut Polisi ini. Maklumat peribadi yang dikemukakan di tempat lain di laman-laman web Kumpulan Cigna dan ahli-ahli gabungannya akan digunakan mengikut Polisi Privasi am atas talian kami (terletak di [cigna.com](https://cigna.com)).

Sila ambil perhatian bahawa Kumpulan Cigna merizabkan hak untuk mengubah, meminda, mengemas kini dan/atau menukar Polisi ini pada bila-bila masa. Anda adalah dinasihati untuk menyemak pengumuman-pengumuman Kumpulan Cigna dari semasa ke semasa untuk mengetahui perubahan-perubahan, pindaan-pindaan, kemas kini atau variasi-variasi. Versi terkini polisi-polisi Kumpulan Cigna mengenai pengumpulan, penggunaan, pemindahan, penyimpanan, penzahiran dan sebab kami berbuat demikian, boleh diakses di laman ini.

Dengan meneruskan komunikasi dan urusan dengan Kumpulan Cigna, anda dianggap telah menerima perubahan-perubahan, pindaan-pindaan, kemas kini atau variasi-variasi.

Sila baca Polisi ini dengan teliti.

## Maklumat Peribadi Yang Kami Kumpul Daripada Anda

Kami mengumpul maklumat peribadi daripada anda berkaitan dengan permohonan anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Nama dan maklumat hubungan, termasuk alamat, nombor-nombor telefon dan alamat e-mel anda;

- Log masuk dan kata laluan;
- 'CV', 'resume', surat iringan, pengalaman kerja terdahulu (termasuk sebab-sebab pemberhentian kerja terdahulu), maklumat pendidikan dan julat-julat gaji (termasuk julat jangkaan dan julat gaji semasa yang diperolehi, dan dokumen-dokumen sokongan seperti slip-slip gaji);
- Lesen-lesen, permit-permit dan sijil-sijil profesional dan lain yang berkaitan dengan kerja, yang dipegang;
- Bahasa dan kemahiran-kemahiran lain yang berkaitan;
- Anugerah-anugerah dan keahlian-keahlian profesional;
- Kelayakan untuk bekerja di negara di mana pekerjaan yang dipohon berada, tarikh sedia untuk bermula;
- Maklumat berkaitan dengan rujukan-rujukan; dan
- Surat-menyurat anda yang ada dengan kami dan maklumat lain yang telah anda pilih untuk berikan (contohnya, keutamaan-keutamaan pekerjaan, kesediaan untuk berpindah, gaji yang diinginkan, bagaimana anda mengetahui tentang Laman Kerjaya-kerjaya);
- Butiran-butiran lain-lain orang yang boleh dikenal pasti daripada maklumat peribadi yang telah diberikan kepada kami;
- Maklumat lain tentang diri anda, dari mana anda boleh dikenal pasti, yang mungkin termasuk maklumat sensitif seperti yang ditakrifkan dan selanjutnya dinyatakan di bawah.

Daripada maklumat yang kami kumpulkan tentang anda, kami juga mungkin memperoleh atau menjana maklumat lanjutan seperti profil-profil calon pekerjaan.

Seperti yang dibincangkan dalam seksyen "Kepelbagaian" di bawah, dalam kes-kes tertentu, kami akan menanyakan soalan-soalan tentang asal usul bangsa/etnik, jantina dan kecacatan pemohon-pemohon kami, untuk memantau peluang yang sama rata. Kami juga mungkin bertanya tentang rekod-rekod jenayah sekiranya dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai.

Sebaliknya, kami meminta anda mengelakkan daripada mengemukakan maklumat yang boleh layak menjadi maklumat sensitif di bawah undang-undang yang terpakai, kecuali jika maklumat tersebut diperlukan secara sah. Maklumat sensitif termasuk bangsa, agama, etnik, kewarganegaraan atau negara asal usul, umur, identiti jantina, kehidupan atau amalan-amalan seks atau orientasi seksual, status perkahwinan, maklumat perubatan atau kesihatan (termasuk status kecacatan), maklumat genetik atau biometrik, templat-templat biometrik, kepercayaan-kepercayaan politik atau falsafah, keahlian parti politik atau kesatuan sekerja, status veteran, maklumat semakan latar belakang, data kehakiman seperti rekod-rekod jenayah (termasuk perbuatan sebenar dan yang didakwa melakukan apa-apa kesalahan) atau maklumat mengenai prosiding-prosiding kehakiman atau pentadbiran lain. Walau bagaimanapun, sekiranya anda telah mengemukakan maklumat sedemikian kepada kami tanpa mengira perkara di atas, anda dengan ini juga mengesahkan dan memberikan kebenaran secara nyata kepada pemprosesan maklumat sensitif tersebut oleh kami mengikut Polisi ini.

Sebarang maklumat yang anda kemukakan melalui Laman Kerjaya-kerjaya mestilah benar, lengkap dan tidak mengelirukan. Sekiranya maklumat yang diberikan tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan, ini boleh menyebabkan penolakan permohonan anda semasa proses permohonan atau tindakan tatatertib termasuk pemecatan segera jika anda telah diambil kerja. Di samping itu, adalah

menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan maklumat yang anda kemukakan tidak melanggar hak mana-mana pihak ketiga.

Jika anda berniat untuk memberi kami maklumat peribadi rujukan atau mana-mana individu lain sebagai sebahagian daripada permohonan anda, adalah menjadi tanggungjawab anda untuk mendapatkan kebenaran daripada individu tersebut sebelum memberikan maklumat peribadi kepada kami.

Adalah mandatori bagi anda untuk memberi kami maklumat peribadi yang disebutkan dalam Polisi ini bagi kami memenuhi tujuan-tujuan seperti yang diperuntukkan dalam Polisi ini. Sekiranya anda gagal untuk memberi kami maklumat peribadi atau sekiranya anda tidak bersetuju untuk kami memproses maklumat peribadi anda, kami mungkin tidak berkemampuan untuk mempertimbangkan secara wajar permohonan anda untuk bekerja dengan Kumpulan Cigna.

## **Maklumat Peribadi yang Kami Kumpul daripada Sumber-sumber Lain**

Kami boleh mendapatkan maklumat tentang anda daripada sumber-sumber lain (di mana dibenarkan oleh undang-undang) seperti:

- Pendaftaran-pendaftaran yang tersedia untuk orang awam;
- Laman-laman media sosial;
- Rujukan-rujukan anda;
- Majikan-majikan terdahulu;
- Pemberi-pemberi semakan latar belakang; dan
- Agensi-agensi pekerjaan.

## **Bagaimana Kami Menggunakan Maklumat Peribadi dan Asas Kami Menggunakannya**

Kumpulan Cigna akan menggunakan maklumat peribadi anda seperti yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan bagi tujuan-tujuan termasuk tetapi tidak terhad kepada yang dinyatakan di bawah:

- Memproses permohonan anda dan menilai keupayaan-keupayaan dan kelayakan-kelayakan anda untuk pekerjaan. Kami akan terlibat dalam aktiviti-aktiviti ini untuk menguruskan hubungan kontrak prospektif kami dengan anda, berdasarkan kepentingan-kepentingan sah kami.
- Menjalankan semakan-semakan rujukan. Kami akan terlibat dalam aktiviti-aktiviti ini untuk mematuhi kewajipan undang-undang atau berdasarkan kepentingan-kepentingan sah kami.
- Membekalkan anda dengan mana-mana perkhidmatan yang tersedia di Laman Kerjaya-kerjaya dari semasa ke semasa, menjawab pertanyaan-pertanyaan anda dan berkomunikasi dengan anda tentang permohonan anda, dan menghantar maklumat kepada anda berkenaan Laman

Kerjaya-kerjaya dan perubahan-perubahan terhadap Terma-terma dan Perjanjian-perjanjian kami. Kami akan terlibat dalam aktiviti-aktiviti ini untuk menguruskan perhubungan kontrak prospektif kami dengan anda.

- Mematuhi atau memantau pematuhan mana-mana undang-undang atau peraturan yang terpakai. Kami akan terlibat dalam aktiviti-aktiviti ini untuk mematuhi kewajipan undang-undang atau berdasarkan kepentingan-kepentingan sah kami.
- Menjalankan semakan-semakan latar belakang (termasuk semakan-semakan penzahiran dan kewangan) (mengikut undang-undang yang terpakai) sekiranya anda ditawarkan untuk bekerja. Kami akan terlibat dalam aktiviti-aktiviti ini untuk mematuhi kewajipan undang-undang atau berdasarkan kepentingan-kepentingan sah kami.
- Menyokong kepentingan-kepentingan sah kami yang lain, seperti melaksanakan aktiviti-aktiviti pengurusan perniagaan termasuk melaksanakan audit-audit, penilaian-penilaian, penyelenggaraan dan ujian-ujian atau aktiviti-aktiviti penyelesaian masalah (*'troubleshooting'*) yang berkaitan dengan sistem pengambilan; untuk memantau dan merekod perkhidmatan-perkhidmatan, sama ada diberikan oleh syarikat Kumpulan Cigna atau pihak ketiga; untuk mengendalikan, menilai dan menambah baik sistem pengambilan, pengesanan (*'tracking'*) permohonan dan aktiviti-aktiviti pengambilan dan komunikasi-komunikasi (termasuk menganalisis asas pemohon pekerjaan kami, amalan-amalan atau trend-trend pengambilan pekerja kami, mengenal pasti kekurangan-kekurangan kelayakan-kelayakan atau kemahiran-kemahiran dan menggunakan maklumat untuk memadamkan calon-calon dengan peluang-peluang yang berpotensi); dan seperti yang diperlukan secara amnya untuk menjalankan perniagaan kami dalam Kumpulan Cigna.
- Pematuhan undang-undang dan sebarang pindaan-pindaan yang berkuat kuasa.
- Untuk tujuan-tujuan lain yang dikehendaki oleh undang-undang.
- Untuk sebarang tujuan yang berkaitan, yang bersampingan atau sebagai lanjutan kepada tujuan yang disebutkan di atas.

Sekiranya anda tidak memberikan kebenaran, ingin menarik balik atau ingin mengehadkan pemprosesan kami ke atas maklumat peribadi anda atau maklumat peribadi mana-mana orang yang boleh dikenal pasti daripada maklumat peribadi yang telah diberikan, anda boleh menghubungi Penyelia Pemerolehan Bakat (*'Talent Acquisition Supervisor'*) yang mana butiran-butirannya diperuntukkan kemudian dalam Polisi ini.

Maklumat tentang anda akan ditambahkan pada pangkalan data (*'database'*) calon antarabangsa Kumpulan Cigna dan boleh disimpan dan digunakan untuk mempertimbangkan anda untuk peluang-peluang di Kumpulan Cigna dan ahli-ahli gabungannya selain daripada yang anda pohon. Sekiranya anda tidak mahu kami melakukan ini, sila hubungi Penyelia Pemerolehan Bakat.

Sekiranya kami memilih untuk membuat tawaran kepada anda, maklumat peribadi yang anda kemukakan boleh dimasukkan ke dalam sistem sumber manusia kami dan digunakan untuk menguruskan proses pengambilan pekerja baharu. Sekiranya anda menjadi seorang pekerja, mana-mana maklumat peribadi yang anda kemukakan boleh menjadi sebahagian daripada fail pekerja anda dan boleh digunakan untuk tujuan-tujuan pekerjaan/yang berkaitan dengan kerja yang lain, dan pada peringkat itu kami akan menerangkan kepada anda bagaimana kami menggunakan maklumat peribadi pekerja anda.

Pemberian maklumat peribadi di Laman Kerjaya-kerjaya adalah mandatori bagi kami untuk memenuhi tujuan-tujuan seperti yang diperuntukkan dalam Polisi ini. Kegagalan untuk memberikan maklumat yang mencukupi boleh menyebabkan Kumpulan Cigna tidak berkemampuan untuk

mempertimbangkan permohonan pekerjaan anda atau, jika anda diambil kerja, kenaikan pangkat, pemindahan atau penempatan semula anda yang berikutnya.

## **Pemindahan-pemindahan dan Perkongsian Antarabangsa Maklumat Peribadi dengan Pihak-pihak Ketiga**

Kumpulan Cigna berkongsi maklumat peribadi secara dalaman dalam Kumpulan Cigna dan dengan ahli-ahli gabungan yang terlibat dalam menilai calon-calon untuk jawatan tertentu. Kami akan menghadkan akses kepada maklumat peribadi kepada pekerja-pekerja atau ejen-ejen Kumpulan Cigna yang mempunyai keperluan perniagaan untuk mengakses maklumat peribadi tersebut, termasuk kakitangan di jabatan-jabatan pengambilan, sumber manusia dan teknologi maklumat, dan di jabatan yang bertanggungjawab untuk jawatan yang anda pohon.

Kami juga berkongsi maklumat peribadi anda dengan pihak-pihak ketiga yang tidak bergabung, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Pemberi-pemberi perkhidmatan, seperti syarikat-syarikat yang membantu Kumpulan Cigna dalam operasi Laman Kerjaya-kerjaya, pembekal-pembekal dan sokongan sistem-sistem teknologi maklumat, pemberi-pemberi semakan latar belakang, agensi-agensi perkhidmatan imigresen, agensi-agensi pengambilan pekerjaan dan pemberi-pemberi perkhidmatan lain yang membantu untuk memudahkan pemberian perkhidmatan-perkhidmatan kepada entiti Kumpulan Cigna yang berkaitan;
- Penasihat-penasihat profesional di semua negara di mana Kumpulan Cigna beroperasi berkaitan dengan Laman Kerjaya-kerjaya;
- Pihak-pihak Berkuasa Awam dan Kerajaan seperti entiti-entiti yang mengawal selia atau mempunyai bidang kuasa ke atas Kumpulan Cigna seperti pihak-pihak berkuasa untuk mengawal selia, penguatkuasaan undang-undang, badan-badan awam dan badan-badan kehakiman, untuk bertindak balas kepada permintaan-permintaan undang-undang atau kawal selia dalam sebarang bentuk atau untuk memohon sebarang kelulusan-kelulusan atau permit-permit yang diperlukan bagi anda bekerja secara sah di negara di mana mereka memohon pekerjaan atau bagi entiti Kumpulan Cigna yang berkaitan untuk mengambil anda bekerja secara sah; dan
- Pihak ketiga berkaitan dengan sebarang penyusunan semula, penggabungan, penjualan, usaha sama, penyerahan hak, pemindahan atau pelupusan lain yang sebenar atau yang dicadangkan bagi semua atau mana-mana bahagian perniagaan, aset-aset atau stok Kumpulan Cigna (termasuk yang berkaitan dengan sebarang prosiding kebangkrapan atau prosiding-prosiding yang serupa).

Pemberi-pemberi perkhidmatan pihak ketiga dan penasihat-penasihat profesional dijangka untuk melindungi kesulitan dan keselamatan maklumat peribadi, dan hanya menggunakan maklumat peribadi untuk pemberian perkhidmatan-perkhidmatan kepada Kumpulan Cigna, dan mematuhi undang-undang yang terpakai.

Disebabkan oleh sifat global operasi-operasi dan polisi-polisi Kumpulan Cigna (seperti HR, IT, perakaunan, undang-undang, audit dalaman dan langkah-langkah keselamatan), Kumpulan Cigna mendedahkan maklumat peribadi kepada kakitangan, jabatan-jabatan lain di seluruh keluarga syarikat-syarikat Kumpulan Cigna, dan pemberi-pemberi perkhidmatan pihak ketiga untuk memenuhi

tujuan-tujuan yang diterangkan dalam Polisi ini. Ini termasuk pemindahan maklumat peribadi ke Amerika Syarikat dan negara-negara lain (termasuk negara-negara yang mempunyai rejim perlindungan data yang berbeza daripada yang terdapat di negara anda berada), termasuk negara-negara yang terletak di rantau-rantau berikut:

- Amerika (terutamanya Amerika Syarikat, Kanada, Kepulauan Cayman, Bermuda dan Chile);
- Asia Pasifik (terutama Australia, China (termasuk Hong Kong SAR), India, Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura);
- Eropah (terutamanya United Kingdom, Belgium, Perancis, Sepanyol, Itali, Jerman, Belanda, Norway dan Switzerland);
- Timur Tengah dan Afrika (terutamanya Emiriah Arab Bersatu, Bahrain, Kuwait, Lubnan, Arab Saudi, Oman, Kenya dan Mesir); dan
- Mana-mana negara lain di mana Kumpulan Cigna mempunyai urusan-urusan perniagaan atau operasi-operasi, dan/atau di mana entiti-entiti Kumpulan Cigna, pelanggan-pelanggan dan pemberi-pemberi perkhidmatan mereka berada.

## **Penggunaan-penggunaan dan Penzahiran-penzahiran Lain Maklumat Peribadi**

Kami juga menggunakan, memproses dan menzahirkan maklumat peribadi anda sebagaimana yang diperlukan atau sesuai, terutamanya apabila kami mempunyai kewajipan undang-undang atau kepentingan sah untuk berbuat demikian:

- Untuk mematuhi undang-undang yang terpakai, yang mana boleh termasuk undang-undang di luar negara tempat tinggal anda.
- Untuk bertindak balas kepada permintaan-permintaan daripada pihak-pihak berkuasa awam dan kerajaan, yang mana boleh termasuk pihak-pihak berkuasa di luar negara tempat tinggal anda.
- Untuk bekerjasama dengan penguatkuasaan undang-undang, sebagai contoh, apabila kami menerima permintaan-permintaan dan perintah-perintah penguatkuasaan undang-undang.
- Atas sebab undang-undang lain, seperti untuk menguatkuasakan terma-terma dan syarat-syarat kami dan untuk melindungi hak-hak, privasi, keselamatan atau harta benda kami, dan/atau ahli-ahli gabungan kami, anda atau pihak lain.
- Berkaitan dengan penjualan atau transaksi perniagaan. Kami mempunyai kepentingan yang sah untuk menzahirkan atau memindahkan maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga sekiranya berlaku sebarang penyusunan semula, penggabungan, penjualan, usaha sama, penyerahan hak, pemindahan atau pelupusan lain bagi semua atau mana-mana bahagian perniagaan, aset-aset atau stok kami (termasuk yang berkaitan dengan sebarang prosiding kebangkrapan atau prosiding-prosiding yang serupa).

## Penyimpanan Data

Kami akan menyimpan maklumat peribadi untuk tempoh yang diperlukan bagi memenuhi tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Polisi ini melainkan tempoh penyimpanan yang lebih lama adalah diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang. Kami akan berusaha untuk memastikan semua Maklumat Peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika ia tidak lagi diperlukan untuk Tujuan-tujuan yang mana ia akan diproses adalah seperti yang dinyatakan dalam Polisi ini. Kriteria yang digunakan untuk menentukan tempoh penyimpanan kami termasuk (tetapi tidak terhad kepada): (i) tempoh proses permohonan; (ii) selagi kami mempunyai hubungan yang berterusan dengan anda; (iii) seperti yang diperlukan oleh kewajipan undang-undang yang mana kami tertakluk kepadanya; (iv) seperti yang dicadangkan berdasarkan kedudukan undang-undang kami (seperti berkenaan dengan akta had masa, litigasi atau saisatan-siasatan kawal selia yang berkenaan); dan (v) keperluan-keperluan dan pengehadan-pengehadan penyimpanan teknikal mana-mana sistem teknologi maklumat atau komputer di mana maklumat itu disimpan.

Kami boleh membuang maklumat peribadi bagi akaun-akaun yang tidak aktif daripada pangkalan data ('*database*') kami, tertakluk kepada mana-mana kewajipan undang-undang atau kawal selia yang terpakai. Tambahan pula, Kumpulan Cigna mempunyai hak untuk memadam maklumat peribadi tentang anda (termasuk '*CV/resume*' anda) daripada pangkalan data ('*database*') kami pada bila-bila masa dan tanpa memberikan sebarang sebab. Oleh itu, sila simpan salinan maklumat peribadi anda sendiri yang telah diberikan kepada kami.

## Kuki ('Cookies') dan Teknologi Serupa

Kami dan pemberi-pemberi perkhidmatan kami boleh menggunakan "kuki" ('*cookies*') dan teknologi-teknologi serupa di Laman Kerjaya-kerjaya. Sila lihat [Privacy Policy](#) kami untuk mendapatkan maklumat selanjutnya tentang cara kami menggunakan kuki ('*cookies*').

## Akses dan Pilihan-pilihan

Sekiranya anda memilih untuk mendaftar di Laman Kerjaya-kerjaya, anda boleh mengakses, menyemak dan menukar sesetengah maklumat peribadi yang dikumpulkan tentang anda dan disimpan dalam Laman Kerjaya-kerjaya dengan cara log masuk ke Laman Kerjaya-kerjaya dan mengemas kini maklumat akaun anda. Profil yang telah dikemas kini akan digunakan sebagai '*default*' semasa lain kali anda memohon pekerjaan menggunakan akaun anda; walau bagaimanapun, sesetengah maklumat daripada permohonan asal mungkin masih boleh dilihat oleh Kumpulan Cigna. Untuk menukar maklumat peribadi yang telah anda kemukakan untuk pertimbangan bagi jawatan tertentu, sila kemukakan semula permohonan anda untuk jawatan tersebut dan sertakan maklumat peribadi anda yang telah dikemas kini dalam permohonan. Kami menggalakkan anda untuk mengemas kini maklumat peribadi anda dengan segera sekiranya ia berubah atau tidak tepat.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau kebimbangan tentang cara kami memproses maklumat peribadi, sila hubungi Penyelia Pemerolehan Bakat ('*Talent Acquisition Supervisor*') di butiran-butiran di bawah.

Sekiranya anda ingin meminta untuk mengakses, membetulkan, mengemas kini, menyekat (*suppress* atau *restrict*), memadam, membantah pemprosesan atau menerima maklumat peribadi anda dalam format elektronik yang boleh digunakan dan menghantarnya kepada pihak ketiga, setakat mana hak-hak tersebut diperuntukkan oleh undang-undang yang terpakai, sila hubungi Penyelia Pemerolehan Bakat ('*Talent Acquisition Supervisor*') pada butiran-butiran di bawah dengan mana-mana

permintaan-permintaan sedemikian. Sesetengah maklumat peribadi boleh dikecualikan daripada permintaan-permintaan sedemikian secara keseluruhan atau sebahagian, menurut polisi-polisi Kumpulan Cigna, undang-undang perlindungan data yang terpakai atau undang-undang dan peraturan-peraturan yang lain.

Untuk perlindungan anda, kami mungkin hanya boleh melaksanakan permintaan-permintaan berkenaan dengan maklumat yang dikaitkan dengan alamat e-mel tertentu yang anda gunakan untuk menghantar permintaan anda kepada kami, dan kami mungkin perlu mengesahkan identiti anda sebelum melaksanakan permintaan anda. Kami akan mematuhi permintaan anda mengikut kewajipan-kewajipan di bawah undang-undang yang terpakai.

## **Keselamatan**

Kami berusaha untuk menggunakan langkah-langkah organisasi, teknikal dan pentadbiran yang munasabah untuk melindungi maklumat peribadi dalam organisasi kami. Malangnya, tiada sistem penghantaran atau penyimpanan data boleh dijamin 100% selamat. Sekiranya maklumat peribadi anda dipindahkan, Kumpulan Cigna akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan perlindungan telah dilaksanakan bagi memastikan hak-hak anda terhadap perlindungan maklumat peribadi kekal tidak terjejas. Sekiranya anda mempunyai sebab untuk percaya bahawa interaksi anda dengan kami tidak lagi selamat, sila maklumkan kepada kami dengan segera mengikut bahagian "Hubungi Kami (*Contact Us*)" di bawah.

Kumpulan Cigna dengan ini menafikan, setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang tempatan, mana-mana liabiliti untuk dirinya sendiri dan ahli-ahli gabungannya dan kontraktor-kontraktor bagi mana-mana maklumat peribadi yang kami kumpul berkaitan dengan permohonan anda yang hilang, disalahgunakan, diakses secara haram, dizahirkan, diubah, dimusnahkan atau tidak dihantar tepat pada masanya ke Laman Kerjaya-kerjaya kami.

## **Pautan ke Laman-laman Web Lain**

Laman Kerjaya-kerjaya mungkin mengandungi pautan-pautan ke laman-laman web lain. Pengendali laman-laman web lain tersebut boleh mengumpul maklumat tentang anda, termasuk melalui kuki (*'cookies'*) atau teknologi-teknologi lain. Sekiranya anda memaut ke laman web lain, anda akan keluar dari Laman Kerjaya-kerjaya dan Polisi ini tidak akan terpakai untuk penggunaan dan aktiviti anda di laman-laman lain tersebut.

Pautan-pautan di Laman Kerjaya-kerjaya ke laman-laman web lain disediakan hanya sebagai kemudahan, dan kemasukan pautan-pautan tersebut tidak menandakan pengendorsan laman yang dipautkan. Kami mendorong anda supaya membaca notis undang-undang yang disiarkan di laman-laman tersebut, termasuk polisi-polisi privasi mereka. Kami tidak mempunyai tanggungjawab atau liabiliti untuk lawatan anda ke, dan pengumpulan data dan amalan-amalan penggunaan laman-laman lain.

## **Kepelbagaian**

Kumpulan Cigna ialah majikan yang memberi peluang yang sama rata, ini bermaksud kami menawarkan layanan yang sama rata kepada semua pemohon-pemohon. Kumpulan Cigna tidak mendiskriminasi, sama ada secara langsung atau tidak langsung, atas alasan-alasan bangsa, warna



kulit, jantina, identiti jantina, orientasi seksual, kewarganegaraan, asal usul negara, asal usul etnik, agama, kepercayaan atau akidah, umur, kecacatan, status perkahwinan, status veteran atau maklumat genetik dalam mana-mana bidang pengambilan. Di sesetengah negara-negara, kami meminta maklumat tentang asal usul etnik, jantina dan kecacatan pemohon-pemohon kami bagi tujuan pemantauan peluang yang sama rata.

## **Undang-undang yang Terpakai untuk Permohonan Kerja**

Laman Kerjaya-kerjaya ini membolehkan anda mendapat manfaat daripada fungsi pengambilan global berpusat Kumpulan Cigna, sementara memohon pekerjaan-pekerjaan di seluruh dunia. Laman Kerjaya-kerjaya ini dikendalikan di Amerika Syarikat. Sehubungan dengan itu, mana-mana maklumat peribadi yang anda kemukakan ke Laman Kerjaya-kerjaya akan dikumpulkan di Amerika Syarikat dan akan tertakluk kepada undang-undang Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, sekiranya kami berkongsi maklumat peribadi anda dengan ahli gabungan yang di lokasi negara lain atas kapasitinya sebagai bakal majikan, ahli gabungan itu akan mengendalikan maklumat peribadi anda mengikut Polisi ini. Sebarang pengambilan atau keputusan lain berkaitan dengan pekerjaan akan dibuat oleh ahli gabungan pengambilan mengikut undang-undang negara di mana pekerjaan itu akan ditempatkan.

## **Mengenai Kanak-kanak**

Laman Kerjaya-kerjaya tidak dimaksudkan untuk kanak-kanak di bawah umur 18 tahun.

## **Pekerja-perkerja semasa Kumpulan Cigna**

Sekiranya pada masa ini, anda bekerja untuk salah satu unit-unit perniagaan Kumpulan Cigna, anda mungkin layak memohon jawatan dalam unit perniagaan lain dalam Kumpulan Cigna untuk menggunakan Laman Kerjaya-kerjaya. Sekiranya anda menerima jawatan sedemikian, program-program faedah dan polisi-polisi Sumber Manusia anda mungkin berubah. Sila berunding dengan pengurus Sumber Manusia untuk jawatan baharu berkenaan kelayakan permohonan, program-program faedah dan polisi-polisi Sumber Manusia yang terpakai untuk jawatan tersebut.

Laman Kerjaya-kerjaya tidak dimaksudkan untuk pengedaran kepada, atau digunakan oleh mana-mana orang atau entiti dalam mana-mana bidang kuasa atau negara di mana pengedaran atau penggunaan tersebut akan bertentangan dengan undang-undang atau peraturan tempatan.

## **Perubahan-perubahan Polisi**

Anda boleh meminta sesalinan Polisi ini daripada kami dengan menggunakan butiran hubungan yang dinyatakan di bawah.

Kami boleh mengubahsuai atau mengemaskini Polisi ini pada bila-bila masa untuk menangani perkembangan-perkembangan kelak Kumpulan Cigna, Laman Kerjaya-kerjaya atau perubahan-perubahan dalam industri atau aliran undang-undang. Anda boleh menentukan bila Polisi ini telah



disemak semula dengan merujuk kepada legenda " Kemas Kini Terakhir ('*Last Updated*')" di bahagian atas Polisi ini.

## **Hubungi Kami**

Untuk sebarang pertanyaan-pertanyaan, aduan-aduan atau permintaan-permintaan, anda boleh menghubungi:

Penyelia Pemerolehan Bakat

E-mel: [KLTA@cigna.com](mailto:KLTA@cigna.com)

Telefon: +6 03 2733 2777

Sekiranya berlaku konflik antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu Polisi ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

## **Pengakuan dan Persetujuan**

Saya mengakui bahawa di bawah undang-undang yang terpakai, sesetengah maklumat peribadi boleh dikumpul, digunakan, dipindahkan atau dizahirkan tanpa kebenaran saya dan Kumpulan Cigna merizabkan hak untuk menjalankan aktiviti tersebut apabila bersesuaian. Saya juga faham bahawa mungkin terdapat beberapa situasi-situasi khusus yang mana saya perlu berikan persetujuan dan, bagi situasi-situasi tersebut, saya telah membaca dan memersetujui Polisi ini secara nyata.

## Terma-terma dan Syarat-syarat

Untuk dipertimbangkan bagi pekerjaan di Kumpulan Cigna, anda dikehendaki untuk:

- Menyediakan bukti kewarganegaraan dan/atau kebenaran untuk bekerja di lokasi pekerjaan yang dipohon;
- Berjaya lulus pemeriksaan kesihatan pekerjaan, jika diperlukan;
- Berjaya lulus ujian-ujian untuk dadah-dadah haram, jika dibenarkan;
- Bermula 1 Januari 2014, berjaya lulus ujian untuk nikotin, jika dibenarkan; dan
- Berjaya lulus semakan latar belakang.

Jenis-jenis semakan mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, jenayah, pengesahan kediaman, kredit dan kenderaan. Sekiranya Kumpulan Cigna mengambil keputusan untuk menawarkan jawatan kepada anda, anda dikehendaki untuk menandatangani borang Kebenaran untuk Pelepasan (*Authorization for Release*). Pekerjaan sebenar anda bergantung pada laporan-laporan kepuasan daripada semakan-semakan ini.

Pengklikan "Saya setuju" di bawah memberikan Kumpulan Cigna kebenaran untuk menghubungi sekolah-sekolah anda, organisasi profesional dan majikan-majikan terdahulu (termasuk majikan semasa), dan membebaskan mereka daripada sebarang liabiliti akibat daripada memberikan maklumat yang diminta.

Sekiranya anda menjadi pekerja Kumpulan Cigna dan menerima lebihan bayaran gaji atau faedah (termasuk kecacatan jangka pendek), Kumpulan Cigna boleh, setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang, mendapatkan semula lebihan bayaran dengan memotong daripada gaji masa hadapan atau mana-mana hari cuti yang belum digunakan.

Sekiranya anda tertakluk kepada sebarang perjanjian dengan mana-mana majikan semasa atau terdahulu, termasuk tetapi tidak terhad kepada, sebarang perjanjian atau polisi ketidaksolitis atau ketidaksaing (*non-solicitation or non-compete agreement*), anda membuat representasi bahawa ia tidak akan menghalang anda menjadi pekerja Kumpulan Cigna atau menghalang anda daripada melaksanakan semua kewajipan dan tanggungjawab jawatan Kumpulan Cigna yang anda mohon, atau yang ditugaskan kepada anda, jika diambil bekerja. Anda seterusnya bersetuju bahawa sekiranya mana-mana perjanjian dengan mana-mana majikan semasa atau terdahulu menghalang anda daripada melaksanakan sebarang tugas-tugas atau kewajipan-kewajipan seperti yang diberikan kepada anda oleh Kumpulan Cigna, anda akan segera membawanya kepada perhatian Kumpulan Cigna. Sekiranya Kumpulan Cigna menentukan bahawa sebarang perjanjian mengganggu keupayaan anda untuk melaksanakan sebarang kewajipan-kewajipan atau tugas-tugas yang diberikan, Kumpulan Cigna merizabkan hak untuk menugaskan semula anda ke jawatan lain dalam Kumpulan Cigna atau memberhentikan perkhidmatan anda.

Semasa bekerja dengan Kumpulan Cigna, anda akan mendapat akses kepada maklumat proprietari dan sulit Kumpulan Cigna dan diingatkan bahawa maklumat berharga ini akan digunakan untuk faedah eksklusif Kumpulan Cigna dan, tanpa kebenaran bertulis yang wajar dan sesuai daripada Kumpulan Cigna, tidak boleh dizahirkan, digunakan atau dihasilkan semula.

Kami juga ingin mengingatkan anda tentang kewajipan anda untuk memelihara rahsia-rahsia perdagangan dan maklumat sulit majikan-majikan semasa dan terdahulu anda. Dalam hal ini, anda tidak boleh membawa apa-apa bahan tersebut ke Kumpulan Cigna atau sebaliknya menggunakan bahan tersebut sebagai sebahagian daripada kerja anda untuk Kumpulan Cigna.

Saya faham bahawa jika diupah oleh Kumpulan Cigna, tiada apa-apa dalam permohonan saya untuk pekerjaan di Kumpulan Cigna dan tiada apa-apa pun pada bila-bila masa yang dikomunikasikan kepada saya tentang hak-hak saya sebagai pekerja, tanpa mengira sumber, mengehendak dalam apa



cara sekalipun hak saya untuk meletakkan jawatan saya dengan syarikat Kumpulan Cigna pada bila-bila masa atas mana-mana sebab atau hak majikan saya untuk menarik balik tawaran pekerjaan, atau untuk menamatkan perkhidmatan saya pada bila-bila masa atas mana-mana sebab, dengan syarat ia mengikut mana-mana undang-undang yang terpakai.

Saya bersetuju untuk memenuhi semua keperluan yang disenaraikan di atas dan memahami bahawa sebarang salah nyata atau peninggalan fakta-fakta pada Permohonan Pekerjaan ini adalah punca yang mencukupi untuk kehilangan kelayakan saya daripada pekerjaan atau pemecatan saya. Saya memahami bahawa Kumpulan Cigna menyampaikan maklumat secara rutin, termasuk pemberitahuan-pemberitahuan penting secara elektronik, dan saya bersetuju untuk menerima pemberitahuan-pemberitahuan ini secara elektronik.